

MUTIARA KATA

“Manusia yang berakal adalah manusia yang suka menerima nasihat dan meminta nasihat”.

Umar al-Khathab

SIDANG EDITOR

PENAUNG

Dato' Dr. Firdaus Abdullah,
Ketua Pengarah DBP.

PENASIHAT

Hjh. Noresah Baharom,
Pengarah Jabatan Bahasa DBP.

Othman Ismail,
Ketua Bahagian Pengembangan
Bahasa Melayu DBP.

KETUA EDITOR

Mashitah Tahirin,
(mashitah@dbp.gov.my).

TIMBALAN KETUA EDITOR

Normala Mohamad Yusof,
(normala@dbp.gov.my).

EDITOR DBP

Hajjah Jais,
(hajjah@dbp.gov.my).

Rokiah Nordin,
(rokiah@dbp.gov.my).

Raja Masittah Raja Ariffin,
(masittah@dbp.gov.my).

Shahrin Nizal Mohd. Nor,
(shahrin@dbp.gov.my).

Fatimah Zahrin Mohd Taib,
(fatimah@dbp.gov.my).

Wan Mohd Saophy Amizul
Wan Mansor,
(amizul@dbp.gov.my).

Ismail Karmun,
(karmun@dbp.gov.my).

PENYELARAS LAMAN WEB

Norawati Jalaluddin,
(nora1@dbp.gov.my).

EDITOR DAWAMA SDN. BHD.

Norida Jalaluddin,
(norida@dawama.com.my).

EDITOR SASTERA BHSB

Salbiah Ani,
(bhsastera@nstp.com.my).

REKA LETAK

Nazarudin Abu Bakar,
(nazr69@yahoo.com).

PENGIKLANAN

Farah Dibah
(farah@nstp.com.my).

FOTO

Jalil Kasim

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

Jalan Dewan Bahasa,
50460 Kuala Lumpur.
Tel.: 03-21482875;
Faks: 03-21422029

RENCANA EDITOR

Memupuk Sikap Megah Bahasa

NEGARA kita baru sahaja meraikan hari ulang tahun kemerdekaan tanah air yang ke-49. Tahun depan genaplah setengah abad kita merdeka. Namun, adakah rakyat Malaysia umumnya menghayati erti kemerdekaan? Adakah sekadar mengadakan perbarisan hari kebangsaan dan konsert merdeka, maka ini bermakna kita menghargai kemerdekaan yang kita peroleh ini?

Sekadar meminjam kata-kata Prof. Diraja Ungku Aziz, yang lebih dikenali sebagai Pak Ungku, “Menghayati kemerdekaan bukan sekadar mengibarkan bendera Malaysia pada kenderaan, tetapi yang lebih penting ialah perubahan sikap, termasuklah sikap terhadap kebersihan, iaitu dengan tidak membuang sampah merata-rata dan sikap kita di jalan raya.”

Kalau diluaskan konsep ‘sikap’ yang dimaksudkan oleh Pak Ungku itu, sikap ter-

hadap bahasa kebangsaan tidak kurang pentingnya dalam menghargai erti sebuah kemerdekaan. Bak kata pepatah Melayu, ‘Bahasa Menunjukkan Bangsa’, maka sikap megah bahasa itu sewajarnya ada pada kita yang mengaku sebagai rakyat Malaysia.

Sebagai rakyat Malaysia kita harus menyahut seruan Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia, agar kita harus membudayakan “pemikiran kelas pertama”. Pemikiran kelas pertama juga boleh ditafsirkan sebagai warga yang bangga dengan jati dirinya, yang maju mengikut acuan sendiri dengan mengekalkan nilai-nilai murni sebagai salah satu ciri modal insan.

Sikap megah bahasa atau pemikiran kelas pertama, kalau diamalkan bermakna kita akan sentiasa mengutamakan bahasa kebangsaan kita dan berbangga dengannya dan suka menggunakannya. Ini bermakna kita tidak

akan mencampuradukkannya dengan bahasa asing dan akan sentiasa meninggikan martabatnya.

Mempunyai sikap megah bahasa kelas pertama bukan bererti kita menyisihkan kepentingan bahasa komunikasi antarabangsa tetapi memupuk perkembangan bahasa kita hingga boleh setanding dengan bahasa dunia dan digunakan dalam persidangan pemimpin antarabangsa. Dalam hal ini, kita harus mencontohi China dan Jepun yang tetap mengutamakan bahasa kebangsaan mereka dalam persidangan-persidangan antarabangsa yang diadakan di negara mereka.

Oleh itu, sempena Bulan Bahasa dan Sastera Negara dan sempena menjelang setengah abad kemerdekaan negara kita, marilah kita bersama-sama memupuk sikap megah bahasa dengan minda kelas pertama. Bahasa kita, kalau tidak kita siapa lagi? mashitah@dbp.gov.my

NUKLEUS Bersama Hajah Noresah Baharom



Selayang Pandang Aktiviti Perkamusan di DBP

SEBAGAI sebuah agensi kerajaan yang dipertanggungjawabkan untuk membina dan mengembangkan bahasa Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah memulakan kerja-kerja penyusunan kamus bahasa Melayu bermula pada tahun 1963 dengan penyusunan *Kamus Dewan*, iaitu dengan terutuhnya Bahagian Perkamusan. Ketua Bahagian Perkamusan yang pertama ialah tokoh perkamusan dari Indonesia, Teuku Iskandar. Beliau juga merupakan Ketua Editor *Kamus Dewan Edisi Pertama* (1970). Prof A.Teeuw pula merupakan sarjana Belanda yang dikirirkan khas oleh UNESCO untuk menjadi penasihat bagi penghasilan *Kamus Dewan* edisi pertama.

Selepas *Kamus Dewan*, DBP terus mengorak langkah untuk menghasilkan kamus dwibahasa. Kamus dwibahasa pertama, iaitu *Kamus Dwibahasa Bahasa Inggeris-Bahasa Malaysia* dihasilkan pada tahun 1970 di bawah bimbingan Tn. Hj. Khalid Hussain. Seterusnya DBP dengan kerjasama Australian National University, telah menghasilkan *Kamus Inggeris-Melayu Dewan* yang setebal 1945 muka surat, pada tahun 1992. Kamus yang mengambil masa 13 tahun untuk disusun dan diterbitkan ini merupakan sebuah kamus yang disusun khas untuk keperluan pen-terjemah.

Penghasilan kamus yang menjadi kebanggaan DBP ini dipimpin oleh Sheikh Othman Sheikh Salim dan Nor Azizah Abu Bakar, masing-masing sebagai Ketua Editor pada tempoh yang berbeza. Edisi ringkas kamus ini diha-

silkan pada 1995 dengan Shahrezad Ibrahim, selaku Ketua Editor.

Seterusnya, dengan pertambahan kakitangan DBP menghasilkan kamus ekabahasa untuk pelbagai peringkat, seperti *Kamus Pelajar*, dan kamus istilah pelbagai bidang ilmu. Kamus-kamus khusus, seperti *Kamus Istime-wa Peribahasa*, dan *Kamus Kebalikan. Kamus Dewan* kini sudah mengalami empat kali pengemaskinian, dan pengemaskinian ini dibuat semata-mata untuk menampung keperluan perkembangan kosa kata bahasa Melayu, sejajar dengan ledakan maklumat dan ilmu dalam bahasa Melayu. Edisi kedua kamus ini (1989) dijayakan di bawah bimbingan Sheikh Othman Sheikh Salim selaku Ketua Editor; manakala edisi ketiga (1994) dan keempat (2005) kamus ini dijayakan di bawah bimbingan Noresah Baharom selaku Ketua Editor.

Kamus dwibahasa lain yang berjaya diterbitkan ialah *Kamus Iban-Melayu* (1989), *Kamus Perancis-Melayu* (1996) dan *Kamus Peribahasa Mandarin-Melayu* (2001). Bagi memantapkan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu, tidak kurang daripada 50 buah kamus dan glosari istilah dalam pelbagai bidang ilmu telah diterbitkan. Bagi memperkaya khazanah kosa kata bahasa Melayu, kajian dialek yang pelbagai di Semenanjung dan juga kajian bahasa sukuan di Sabah dan Sarawak telah dilakukan. Kajian ini menghasilkan pelbagai glosari dialek dan daftar kata serta kamus bahasa sukuan.

Kini, DBP sedang menyusun sebuah kamus

ekabahasa yang lebih komprehensif dan lengkap, iaitu *Kamus Besar Bahasa Melayu* yang memuatkan 100,000 kata masukan dengan pelbagai maklumat, seperti kelas kata, padanan Jawi, etimologi, dan dengan pendekatan penyusunan yang berasaskan data korpus berkomputer. Di samping itu, lapan buah kamus dwibahasa sedang disusun, antaranya ialah *Kamus Thai-Melayu*, *Kamus Melayu-Khmer*, *Kamus Mandarin-Melayu*, *Kamus Tamil-Melayu*, *Kamus Melayu-Inggeris (Edisi Pelajar Malaysia)*, *Kamus Melayu-Inggeris (Edisi Pelajar Asing)*, dan *Kamus Melayu-Korea*. Kamus-kamus dwibahasa ini disusun untuk pelbagai tujuan, antaranya adalah untuk meningkatkan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar asing dan sekali gus untuk mengembangkan bahasa Melayu ke peringkat antarabangsa, di samping meningkatkan penguasaan bahasa asing, terutamanya bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar Malaysia.

Jika pada 1963, DBP perlu meminjam kepakaran perkamusan dari luar negara untuk menyusun *Kamus Dewan* edisi pertama, kini DBP boleh berbangga dengan 42 orang kakitangannya dengan pelbagai tahap kepakaran. Usaha untuk membina kepakaran dalam bidang leksikografi secara formal mula dilaksanakan pada tahun 1990 apabila pekamus DBP dihantar untuk mendalami bidang leksikografi pada peringkat sarjana dan doktor falsafah, dalam usaha menjadikan DBP sebagai Pusat Leksikologi dan Leksikografi Melayu di rantau ini.

SURAT

Tuan Pengetua atau Puan Pengetua?

JIKA pengetua sekolah itu seorang perempuan, haruskah beliau dipanggil Puan Pengetua atau Tuan Pengetua? Adakah perbezaan bagi yang sudah berkahwin atau belum? Sekian, terima kasih.

Mohendra Kumar P,
No. 41 (Tingkat Atas),
Jalan Dato Bandar Tunggal,
70000 Seremban,
Negeri Sembilan.

Saudara,

Kata sapaan bagi pengetua sekolah ialah Tuan Pengetua, tetapi apabila diketahui beliau seorang wanita, maka kata sapaannya ialah Puan Pengetua. Puan ialah kata sapaan rasmi bagi wanita tidak kira sudah berkahwin atau belum. Namun gelaran Cik masih dipakai dalam urusan tidak rasmi.

Pengirim surat ini (sila hubungi talian 03-2148 2875) akan menerima cenderamata istimewa daripada *Klik DBP*. Hantarkan pendapat atau pertanyaan anda kepada Ketua Editor, *Klik DBP*, Bahagian Pengembangan Bahasa Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, Jalan Dewan Bahasa, 50460 Kuala Lumpur atau e-mel: mashitah@dbp.gov.my